

DVD tanpa label: Syarikat didenda RM10,000

Published on: Wednesday, February 12, 2020

By: Jo Ann Mool

KOTA KINABALU: Sebuah syarikat didenda RM10,000 atau penjara 24 bulan kerana menawar untuk membekalkan 3,800 unit cakera DVD tanpa label dan berisi filem pada tahun lepas.

Universal Movie Station Sdn Bhd yang diwakili oleh pengaruhnya mengaku bersalah di hadapan Majistret Jessica Ombou Kakayun kepada perlakuan kesalahan itu pada pukul 11.50 pagi 15 Julai 2019 di sebuah premis di Manggatal.

Syarikat itu didakwa di bawah Peraturan 4 (4)(a) Peraturan Perihal Dagangan (Label Cakera Optik) 2010 dan boleh dihukum di bawah Peraturan 4(5) Akta sama yang membawa denda sehingga RM250,000.

Pegawai pendakwa dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Geoffrey Gumbalang memberitahu mahkamah bahawa petugas KPDNHEP di sini telah menyerbu premis pada hari tersebut dan mendapati ia menawarkan untuk membekalkan 3,800 unit DVD pelbagai tajuk filem tanpa label cakera optikal.

Kesemua DVD itu kemudiannya dirampas, kata pendakwaan.

Mahkamah mendengar bahawa siasatan lanjut mendapati bahawa premis perniagaan itu dimiliki oleh Universal Movie Station Sdn Bhd.

Peguam Luke Ressa Balang yang mewakili syarikat itu meminta hukuman ringan atas sebab syarikat itu merupakan pesalah kali pertama, premisnya telah ditutup dan pengaruhnya mengalami kerugian.

Geoffrey memohon hukuman setimpal.

Dalam kes lain, seorang penjaga premis hiburan diperintah untuk membayar denda RM6,000 atau penjara tiga bulan kerana mengendalikan sebuah pusat hiburan tanpa lesen.

Tsen Fui Man mengaku di hadapan Majistret Afiq Agoes kepada perlakuan kesalahan itu di Station Café, di Bundusan Pavilion, Penampang pada pukul 2.35 pagi 18 Ogos 2019.

Tsen yang tidak diwakili, meminta hukuman ringan, mengatakan dia mempunyai dua anak dan kini bekerja di sebuah kedai kopitiam.

Tsen juga memberitahu mahkamah bahawa dia baru mula bekerja di premis hiburan itu pada waktu kesalahan itu dilakukan.

Dia didakwa di bawah Seksyen 3 Ordinan Hiburan Awam 1958 yang memperuntukkan denda sehingga RM50,000 atau penjara sehingga setahun, atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Inspektor Lim Swee Beng yang menjalankan mendakwaan, meminta hukuman setimpal.